



SIARAN MEDIA

KPKT HARGAI KHIDMAT WARGA KEMENTERIAN DI MAJLIS MALAM ‘BAKTI DISANJUNG BUDI DIJUNJUNG KPKT 2023’

KUALA LUMPUR, 26 Julai 2023 – YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah meraikan majlis persaraan pegawai-pegawai Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) di Majlis “Malam Bakti Disanjung Budi Dijunjung KPKT 2023” bertempat di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur malam tadi. Turut hadir YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT; YBrs. Tuan Haji Suhaimi bin Ali@Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti); YBhg. Datuk Saidatu Akhma Binti Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Persekutaran Mampan) serta Ketua-ketua Jabatan dan Agensi.

YB Timbalan Menteri telah menyampaikan Sijil Penghargaan kepada seramai 126 orang pesara yang terdiri dari warga KPKT, Jabatan dan Agensi di bawahnya. Pesara yang diraikan adalah melibatkan pesara-pesara bagi tahun 2023. Daripada bilangan ini, seramai 36 orang pegawai masih dalam perkhidmatan dan 13 orang adalah bersara secara pencer terbitan (meninggal) iaitu 3 dari Kementerian, 9 dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia(JBPM) dan seorang dari Jabatan Kerajaan Tempatan(JKT).

Majlis apresiasi ini merupakan acara tahunan yang diadakan sebagai tanda terima kasih daripada kerajaan terhadap khidmat bakti, sumbangan dan dedikasi yang telah dicurahkan dengan penuh komited sepanjang tempoh perkhidmatan pegawai khususnya kepada KPKT dan Perkhidmatan Awam.

YB Akmal berkata, “Majlis Malam Bakti Disanjung Budi Dijunjung KPKT 2023 merupakan majlis apresiasi dan kenangan buat warga kerja yang telah atau bakal meninggalkan KPKT. Terima kasih atas bakti dan jasa warga KPKT sepanjang bergelar penjawat awam. Segala kemahiran, kepakaran dan pengalaman yang diperolehi semasa berkhidmat

dalam perkhidmatan awam boleh menjadi aset untuk terus aktif dan berbakti menyumbang kepada agama, bangsa dan negara.”

#MalaysiaMADANI

#StrongerTogether

#DemiPertiwi

#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

